


Kejohanan BOLA SEPAK PIALA MASUM 2011

Oleh : En. Mohd Hafeez Nordin



P a d a

27 Oktober hingga 3

November 2011 yang lalu pasukan Bola Sepak pelajar UniMAP telah menyertai kejohanan Bola Sepak Piala MASUM 2011 yang bertempat di UiTM Kampus Arau Perlis. Seramai 18 buah Universiti telah mengambil bahagian pada kejohanan kali ini. Antara universiti yang mengambil bahagian adalah UITM, UTM, USM, UPM, UPNM, UKM, UTHM, UUM, Unisza, UMK, UMT, UniMAP, UPSI, USIM, UMS, UMP, UM dan UIAM. Format Kejohanan adalah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu winner pools dan losser pools yang mana pada perlawanan pertama setiap pasukan akan menentukan kategori perlawanan sama ada ke kumpulan menang atau kumpulan yang kalah dan pada peringkat kedua adalah melibatkan perlawanan di peringkat kumpulan yang memasuki pusingan ke dua, suku akhir dan juga separuh akhir serta akhir bagi setiap kategori.

Dalam kejohanan ini Uitm selaku Tuan Rumah Kejohanan telah menjadikan kampus UiTM Arau sebagai venue pilihan pada kali ini berbanding pada edisi yang sebelumnya diadakan di Kampus Sri Iskandar Perak. Buat julung kali nya pada edisi ini pasukan bola sepak pelajar UniMAP telah berjaya memasuki peringkat kumpulan menang dengan perlawanan pertama turut memenangi keatas UMP dengan jaringan 1-0. dan seterusnya layak secara automatik melalui undian dan mendapat laluan "Bye" untuk ke pusingan ke 3 bagi suku akhir yang bertemu dengan UPM. Namun pada peringkat ini pasukan Pelajar UniMAP terpaksa akur dengan kekuatan dan pengalaman Pasukan UPM yang turut memenangi perlawanan ini dengan jaringan 0-3. dan kejohanan ini turut di ungguli oleh Juara bertahan Uitm selaku johan Pasukan "Winners Pools".

Walaubagaimanapun semangat dan usaha yang baik telah ditunjukkan oleh mereka didalam pertandingan kali ini dan diharap semangat untuk kuat berusaha dan berlatih akan dapat meningkatkan lagi kualiti dan juga mutu bola sepak di UniMAP. "Ayuh terus semangat juang anda untuk kejohanan di masa hadapan.

SUKAN PANTAI MASUM 2011

Buat julung kalinya MASUM telah mengadakan kejohanan sukan Pantai MASUM 2011 pada edisi 1 ini bertarikh 1-4 Disember 2011 yang mana telah diadakan di Pantai Bagus Pinang, Port Dickson Negeri Sembilan. Sebanyak 8 acara telah dipertandingkan iaitu sukan Bola sepak pantai lelaki, bola sepak pantai wanita, bola jaring pantai wanita, bola tumpar pantai lelaki, bola tumpar pantai wanita, sepaktakraw pantai lelaki dan juga larian pantai. Kontingen UniMAP telah menghantar seramai 83 orang pelajar dan 9 pegawai pada kali ini, sebanyak 5 acara telah disertai oleh pasukan kontingen UniMAP iaitu bola sepak pantai lelaki, bola tumpar lelaki, sepak takraw lelaki, bola jaring wanita dan juga larian pantai.

Walaupun sukan MASUM pantai ini baru pertama kali diadakan maka untuk yang akan dating pasukan UniMAP akan lebih berusaha untuk memperbaiki prestasi dan juga persediaan dalam menyahut cabaran Sukan Pantai nanti. UniMAP Mantap....